

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN MESYUARAT
KETIGA DEWAN RAKYAT, PENGGAL KEDUA PARLIMEN
KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI ABDUL AZEEZ BIN ABDUL RAHIM
[BALING]**

SOALAN

DATO' SRI ABDUL AZEEZ BIN ABDUL RAHIM [BALING] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah langkah efektif Kementerian dalam memastikan keluarga khususnya melibatkan perkahwinan muda lebih bersedia dalam menghadapi alam perkahwinan memandangkan perceraian banyak berlaku di kalangan anak muda.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia Kelima (KPKM-5) yang dilaksanakan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) pada tahun 2014 mendapati pada tahun 2014 peratus penduduk muda berumur 15 hingga 40 tahun yang berstatus bercerai hanyalah 1.2 peratus sahaja. Angka ini adalah sangat kecil jika dibandingkan dengan 44.1 peratus yang masih berkahwin. **[Rujuk Jadual 1].**

Jadual 1: Status Perkahwinan Penduduk Muda di Malaysia

Sumber/ Kump. umur	Masih Berkahwin	Balu/ Duda	Bercerai	Berpisah	Tidak Pernah Berkahwin	Total
KPKM-5, 2014 (Umur 15-40)	44.1	0.7	1.2	0.2	53.8	100

Sumber: Kajian Penduduk dan Pembangunan Keluarga Malaysia Kelima (KPKM-5), 2014

SOALAN NO : 504

Data terkini berdasarkan Penerbitan Perangkaan Perkahwinan & Penceraian 2018 yang diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia pula, jumlah penduduk muda (lelaki) yang bercerai dan berumur 39 tahun ke bawah adalah sebanyak 35,171 berbanding 146,927 yang berkahwin pada tahun 2017.

Sebab Penceraian Pasangan Muda Kajian KPKM-5 juga mengenal pasti punca utama penceraian atau perpisahan yang berlaku dalam kalangan pasangan muda di seluruh Malaysia. Bagi wanita muda berumur 15-40 tahun, lebih satu pertiga (37.3%) menyatakan punca utama mereka bercerai adalah kerana tiada persefahaman. Ini diikuti dengan suami curang (21.5%) dan suami tidak bertanggungjawab (16.3%). Manakala bagi lelaki muda berumur 17-40 tahun pula, lebih separuh (52.1%) menyatakan punca utama mereka bercerai adalah kerana tiada persefahaman. Ini diikuti dengan campur tangan mertua (17.1%) dan isteri curang (10.2%) **[Rujuk Jadual 2]**.

Jadual 2: Peratus Wanita dan Lelaki mengikut 3 Punca Penceraian Utama Bagi Perkahwinan Pertama Yang Berakhir Dengan Penceraian di Malaysia, 2014

Punca penceraian/perpisahan	Peratus
Lelaki Umur 17-40 Tahun	
Tiada persefahaman	52.0
Campur tangan mertua	17.1
Pasangan curang	10.2
Wanita Umur 15-40 Tahun	
Tiada persefahaman	37.3
Pasangan curang	21.5
Pasangan tidak bertanggungjawab	16.3

Sumber: Kajian Penduduk dan Pembangunan Keluarga Malaysia Kelima (KPKM-5), 2014.

Program Dan Inisiatif Kementerian KPWKM melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) telah melaksanakan pelbagai usaha bagi memantapkan institusi perkahwinan dan kekeluargaan khususnya melibatkan perkahwinan muda.

Justeru itu, langkah pro aktif yang dilaksanakan oleh LPPKN menerusi pelaksanaan Program Pra Perkahwinan SMARTSTART merupakan usaha berterusan bagi mengekang daripada berlakunya perceraian dalam kalangan pasangan muda. Objektif utama pelaksanaan Program Pra Perkahwinan SMARTSTART adalah untuk mengukuhkan perkahwinan dan membina keluarga yang mantap dan bahagia menerusi:

- i) Perkongsian ilmu pengetahuan dan kemahiran mengenai persediaan awal sebelum melangkah ke alam perkahwinan;
- ii) Membantu pasangan membuat persediaan mental dan pembinaan sikap positif; dan
- iii) Menyediakan platform yang selamat kepada pasangan untuk memahami dan mengenali diri sendiri serta pasangan.

Program Pra Perkahwinan SMARTSTART, yang diadakan khusus untuk pasangan yang akan berkahwin atau baru berkahwin (kurang 5 tahun). Dari tahun 2006 hingga Ogos 2019, sebanyak 667 buah program telah dilaksanakan dengan penyertaan seramai 26,716 orang peserta telah mendapat manfaat daripada pelbagai bentuk pengisian dan aktiviti interaktif antaranya seperti berikut:

- Sesi 1 : Mengenali Dirimu
- Sesi 2 : Meneroka Harapan Kita
- Sesi 3 : Menangani Konflik dan Cabaran
- Sesi 4 : Ingat! Luahkan Perasaan Anda
- Sesi 5 : Membina Kemesraan Seksual
- Sesi 6 : Mengurus Sumber Keluarga
- Sesi 7 : Undang-Undang Keluarga

Langkah pro aktif LPPKN turut diperluas melalui pelbagai program kekeluargaan sebagai usaha memberi pendidikan, pengetahuan dan kemahiran kepada kalangan muda bagi persediaan sebelum menghadapi alam perkahwinan antaranya seperti berikut :

SOALAN NO : 504

a) Program Parenting@Work, yang dianjurkan khusus untuk membantu ibu bapa yang bekerja dalam mengimbangi antara tanggungjawab kerja dengan keluarga (work life balance). Dalam tempoh 2007 hingga Ogos 2019, sebanyak sejumlah 986 program telah dilaksanakan oleh LPPKN dengan kerjasama NGO, melibatkan penyertaan seramai 39,404 orang ibu dan bapa.

b) Program Ilmu Keluarga@LPPKN, diwujudkan bagi meningkatkan kemahiran pengurusan rumah tangga yang lebih berkesan. Sejak 2006 hingga Ogos 2019, sejumlah 14,974 kursus telah diadakan yang berjaya menarik penyertaan seramai 1.69 juta orang.

c) Program SMARTbelanja@LPPKN, pula telah diwujudkan bagi membantu keluarga dalam menguruskan perbelanjaan harian agar mereka dapat melaksanakan perbelanjaan berhemah. Sejak tahun 2008 hingga kini sebanyak 498 program telah dilaksanakan melibatkan 25,542 peserta.

d) Selain itu, bagi membantu pasangan yang menghadapi konflik, KPWKM juga ada menyediakan perkhidmatan sokongan keluarga melalui perkhidmatan kaunseling perkahwinan dan kaunseling keluarga. Sehingga kini, KPWKM ada menyediakan seramai 270 orang kaunselor berdaftar di Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Pembangunan Wanita dan di Pusat Keluarga LPPKN seluruh negara. LPPKN juga telah menyediakan perkhidmatan kaunselor panel seramai 43 orang yang terdiri daripada, guru kaunseling, kaunselor berdaftar dari pelbagai agensi lain, dan pesara kerajaan yang telah dilatih dengan kaunseling perkahwinan dan kekeluargaan.

e) Perbincangan pihak Kementerian bersama Ketua Pengarah Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) berkenaan Kursus Pra Perkahwinan Bagi Pasangan Bukan Muslim pada 4 Mac 2019 telah memutuskan buat masa ini tidak mewajibkan kursus pra perkahwinan terhadap pasangan bukan Islam yang ingin berkahwin. Namun begitu, mesyuarat yang telah diadakan bersama EXCO Wanita Negeri bersetuju agar bakal pengantin bukan Islam digalakkan untuk menyertai kursus SMARTSTART sebagai pra syarat mendapat insentif perkahwinan daripada negeri.

SOALAN NO : 504

f) Perbincangan pihak Kementerian bersama Ketua Pengarah Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) dan Ketua Masyarakat Melayu telah diadakan pada 20 Jun 2019 bagi membincangkan keperluan selepas bercerai pasangan Islam dapat diurus dengan baik seperti kaunseling pasangan baru bercerai dan aspek penjagaan anak, nafkah dan sebagainya.

g) Menerusi Modul dan Kempen Pembelajaran Atas Talian PraPerkahwinan AKPK 'I Do You Do Duit Together' yang dibangunkan oleh Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) dengan kerjasama LPPKN boleh dijadikan platform bagi pasangan pengantin mendapatkan ilmu mengenai pengurusan kewangan dalam perkahwinan mereka terutama selepas berkahwin. "Modul ini telah dilancarkan pada 13 September 2019 merupakan modul secara dalam talian dan membolehkan individu atau pasangan menjawab soalan-soalan yang disediakan pada bila-bila masa dan lebih menarik ia diprogramkan secara interaktif di laman sesawang <https://learn.akpk.org.my/courses/i-do-you-do-duit-together>.